

13 JAN 1998

Mahathir-pelaburan

MAHATHIR MAHU RAKYAT MELABUR DALAM SEKTOR PERLADANGAN

BANGI, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat mempergunakan keupayaan dan peluang-peluang yang wujud dalam negeri dan tidak terlalu memberi tumpuan untuk menarik pelaburan asing ke dalam negara.

Katanya rakyat Malaysia seharusnya mula melabur dalam saham-saham perladangan, seperti syarikat-syarikat berasaskan minyak sawit kerana komoditi itu sekarang mendapat harga yang baik sekali.

"Minyak sawit lebih menguntungkan sekarang dari sebelum ini, tetapi harga saham di sektor perladangan telah menurun," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Taman Teknologi (Tech-Park) Institut Penyelidikan Nuklear Malaysia (MINT) di sini.

Dr Mahathir berkata malang sekali harga tinggi minyak sawit tidak dicerminkan pada harga saham syarikat-syarikat yang berasaskan perladangan.

"Sekaranglah masanya untuk membeli saham perladangan," katanya, dan menambah bahawa walaupun "sekiranya harga saham tidak naik, tidak mengapa selagi syarikat mendapat keuntungan."

Rakyat Malaysia, katanya, nampaknya lebih berminat kepada keuntungan modal dan melihat harga-harga saham meningkat, tetapi bukan kepada prestasi syarikat-syarikat.

Dr Mahathir berkata sekiranya rakyat Malaysia tidak berminat untuk berbuat apa-apa dan tidak mahu melabur, pemulihan ekonomi negara akan menjadi perlahan.

Mengenai penggunaan hasil penyelidikan tempatan oleh sektor swasta, Dr Mahathir berkata: "Ia sangat perlahan dan mengecewakan. Tidak banyak syarikat yang tampil untuk menggunakan hasil penyelidikan untuk tujuan komersil....dan oleh sebab ini banyak hasil kerja penyelidikan menjadi membazir."

"Sekiranya agensi-agensi kerajaan boleh mendapat faedah dari penyelidikan yang dibuat oleh institusi-institusi penyelidikan, saya tidak nampak mengapa sektor swasta juga tidak boleh mendapat faedah itu," katanya.

Katanya sektor swasta terlalu asyik dengan aktiviti-aktiviti yang memberi keuntungan hampir segera seperti pembangunan perumahan yang tidak memerlukan banyak kemahiran.

"Tetapi sekiranya kita boleh mengambil faedah daripada hasil penyelidikan untuk digunakan secara komersil dan memasarkannya, usaha dalam menjalankan aktiviti penyelidikan akan mendatangkan pulangan sewajarnya.

"Jepun menjadi begitu berjaya dalam menggunakan hasil penyelidikan orang lain untuk faedah mereka sendiri tetapi ini tidak berlaku di Malaysia walaupun hasil penyelidikan untuk kegunaan komersil bagi mengeluarkan berbagai-bagai produk mudah diperolehi.

Mengenai langkah-langkah pengurangan kos, Dr Mahathir berkata institut-institut penyelidikan juga perlu berjimat cermat dengan peruntukan mereka di mana yang boleh kerana terdapat kejadian apabila perbelanjaan yang tidak diperlukan dilakukan.

"Sektor swasta juga perlu belajar menjadi lebih berkesan dan menjaga kos," katanya. -- BERNAMA

DVS MR WAT